

Terma Am Pembelian

1. Interpretasi

1.1 Definisi. Dalam Terma-terma ini, definisi berikut digunakan:

Ahli Gabungan: mana-mana entiti undang-undang (badan korporat) yang Mengawal secara langsung atau tidak langsung, Dikawal oleh atau berada di bawah Kawalan bersama dengan entiti lain.

Undang-undang yang Terpakai: apa-apa akta, undang-undang, peraturan, kawal selia, statut, ordinan, keputusan yang mengikat, atau yang setara, di mana-mana negara, yang dipinda dari semasa ke semasa, yang mungkin mempunyai aplikasi pada mana-mana aspek Kontrak, dengan mengambil kira tempat penubuhan Pihak-pihak, pilihan undang-undang dan bidang kuasa yang mentadbir, di bawah klausu 22.12, Lokasi Penghantaran atau mana-mana faktor lain yang berkaitan yang mewujudkan perhubungan dengan negara tersebut.

Buku dan Rekod: buku, rekod, invois dan dokumen perakaunan yang berkaitan dengan prestasi Pembekal di bawah Kontrak.

Punca: bermaksud (i) Pelanggaran Material yang tidak boleh dibaiki; dan/atau (ii) kegagalan untuk membetulkan pelanggaran yang boleh dibaiki (sama ada Pelanggaran Material atau sebaliknya) dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas diminta oleh Pihak yang satu lagi secara bertulis untuk berbuat demikian; dan/atau (iii) Kejadian Ketaksovenan setakat yang dibenarkan oleh Undang-undang Terpakai; dan/atau (iv) Force Majeure yang berterusan selama lebih daripada tiga puluh (30) hari.

Bahan Pelanggan: semua bahan, peralatan dan alatan, lukisan, Spesifikasi dan data yang dibekalkan oleh Pelanggan kepada Pembekal.

Pelanggan: mana-mana Ahli Gabungan NATURA &CO yang mengikat Kontrak dengan Pembekal.

CoC: Tatakelakuan (Code of Conduct, CoC) NATURA &CO untuk Pembekal seperti yang dimaklumkan kepada Pembekal dari semasa ke semasa, yang merupakan bahagian penting dalam Kontrak.

Tarikh Berkuatkuasa: tarikh di mana Kontrak mengikat Pihak-pihak, menurut klausu 2.

Kontrak: sebarang Pesanan yang dibuat oleh Pelanggan dan diterima oleh Pembekal termasuk Terma ini, CoC, serta, dengan rujukan yang jelas sahaja, Spesifikasi dan/atau Representasi dan DPA, jika berkenaan.

Kawalan: (berhubung dengan badan korporat) kuasa seseorang untuk menjamin cara bagaimana hal ehwal badan korporat itu dikendalikan, diarahkan atau diuruskan, melalui pegangan saham atau pemilikan kuasa mengundi.

Invois yang Disediakan dengan Betul: ialah invois yang (i) termasuk nombor Pesanan, alamat bil yang lengkap, perihalan Barang atau Perkhidmatan, harga unit, kuantiti, cukai terpakai atau caj lain atau rujukan lain yang diperlukan oleh Undang-undang yang Terpakai, dan jumlah lanjutan; (ii) dikeluarkan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas Pelanggan menerima Barang atau Perkhidmatan; dan (iii) dikeluarkan menurut prosedur invois Pelanggan, yang mungkin termasuk penghantaran

invois secara elektronik melalui portal aplikasi digital tertentu.

Negara: negara di mana Pelanggan mempunyai pejabat berdaftar.

Undang-undang Perlindungan Data: semua Undang-undang yang Terpakai tentang perlindungan data, peraturan, keperluan kawal selia dan kod amalan.

Lokasi Penghantaran: tempat penghantaran Barang dan/atau Perkhidmatan yang dipersetujui oleh Pihak-pihak secara bertulis.

DPA: Perjanjian perlindungan data (data protection agreement, DPA) standard pelanggan (jika ditandatangani sendiri) atau adendum (jika dilampirkan pada perjanjian komersial sedia ada) yang telah disemak dan dipersetujui oleh Pembekal, atau dokumen sedemikian tertakluk kepada sebarang pengubahsuaian yang dipersetujui antara Pihak-pihak, yang menyatakan secara terperinci hak dan tanggungjawab Pihak masing-masing tentang pemprosesan Data Peribadi yang sah.

Kawalan Eksport: Undang-undang eksport yang berkenaan, sekatan, kawalan dan peraturan keselamatan yang dikenakan di peringkat nasional atau antarabangsa oleh kerajaan, pertubuhan antarabangsa, agensi dan pihak berkuasa.

Force Majeure: bermaksud apa-apa keadaan atau peristiwa, yang berada di luar kawalan munasabah sesuatu Pihak, yang sifatnya tidak dapat diramalkan oleh Pihak tersebut atau jika ia boleh diramalkan, ia tidak dapat dielakkan serta yang boleh menyebabkan kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan kewajipan Pihak tersebut di bawah Kontrak secara keseluruhan atau sebahagian.

Barang: barang yang dinyatakan dalam Kontrak, yang mesti mematuhi mana-mana Spesifikasi yang berkenaan. Rujukan kepada Barang termasuk mana-mana perisian lambak (apabila dianggap sedemikian di bawah Undang-undang Terpakai) serta sebarang penghantaran fizikal (objek) yang disediakan kepada Pelanggan oleh Pembekal dalam konteks penyediaan Perkhidmatan.

Sampingan: Barang dan/atau perkhidmatan yang dipesan oleh Pembekal, untuk akaun dan atas perbelanjaan Pelanggan, secara keseluruhan atau sebahagian, serta item dan alatan yang disediakan kepada Pembekal oleh Pelanggan bagi tujuan pelaksanaan Kontrak semata-mata, yang mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, acuan, matriks, pelan, mock-up, kod sumber perisian, dokumentasi, dsb.

Kejadian Ketaksovenan: bermaksud (i) penggantungan pembayaran hutang; (ii) ketidakupayaan untuk membayar hutang; (iii) rundingan pembiutang kolektif; (iv) petisyen penggulungan syarikat; (v) permohonan untuk melantik pentadbir atau penerima atau penerima pentadbiran, atau sebarang langkah persediaan atau permohonan yang membawa kepada mana-mana perkara di atas, atau pengaturan yang setara di bawah Undang-undang Terpakai.

Hak IP: bermaksud paten, hak cipta, tanda dagangan, nama dagangan, reka bentuk berdaftar, hak reka bentuk, nama domain, rahsia perdagangan dan sebarang hak harta intelek lain, sama ada berdaftar atau tidak berdaftar.

Pelanggaran Material: bermaksud pelanggaran terma material Kontrak (termasuk klausu 3, 4.1, 4.2, 9, 11, 12.3,

14, 15, 22.3(a)) (dengan mengambil perhatian bahawa sebarang pelanggaran klausua 9.1, 9.3, 9.4, 9.5, 9.6, 14, 15, atau 22.3(a) atau kegagalan untuk menghantar tepat pada masanya, di mana masa adalah penting, akan dianggap sebagai Pelanggaran Material yang tidak boleh dibaiki).

NATURA &CO: NATURA &CO HOLDING S.A. dan semua Ahli Gabungan

Pesanan: Pesanan oleh Pelanggan untuk bekalan Barang dan/atau Perkhidmatan.

Pihak: pihak yang membuat Kontrak, iaitu Pelanggan atau Pembekal; dan **Pihak-pihak** hendaklah bermaksud semua pihak yang membuat Kontrak.

Data Peribadi: sebarang data yang boleh digunakan untuk mengenal pasti individu (orang sebenar) secara langsung atau tidak langsung (bergabung dengan data lain), seperti yang ditakrifkan dalam Undang-undang Perlindungan Data. **Harga:** nilai yang dipersetujui boleh dibayar sebagai balasan untuk pelaksanaan kewajipan Pembekal seperti yang dinyatakan dalam Kontrak.

Representasi: sebarang representasi bertulis yang dibuat oleh Pembekal (cth. dalam tawaran atau dokumen cadangan atau setara) berkaitan Barang atau Perkhidmatan.

Perkhidmatan: perkhidmatan yang akan disediakan oleh Pembekal dan dinyatakan dalam Kontrak, yang mungkin termasuk mana-mana perisian yang tidak termasuk dalam takrifan Barang.

Spesifikasi: spesifikasi, perihalan, keperluan atau sampel yang dipersetujui untuk Barang atau Perkhidmatan.

Pembekal orang atau syarikat di mana Pelanggan memeterai Kontrak.

Tempoh: tempoh di mana Kontrak kekal berkuat kuasa, bermula dari Tarikh Berkuatkuasa sehingga Penamatannya.

Penamatian: penamatian Kontrak atas apa jua sebab atau punca yang sah, termasuk akibat daripada (i) penyempurnaan pelaksanaan Kontrak; atau (ii) tarikh tamat tempoh yang dinyatakan dalam Kontrak, jika ada; atau (iii) pelaksanaan yang sah dan berkesan oleh mana-mana Pihak tentang hak penamatian undang-undang atau kontraknya; atau (iv) perjanjian antara Pihak-pihak untuk menamatkan Kontrak; atau (v) sebarang asas undang-undang lain untuk penamatian (contohnya objek dalam Kontrak terjejas).

Terma: Terma Am Pembelian ini.

2. Asas Kontrak

- 2.1 Kontrak berkuat kuasa apabila Pesanan (daripada Pelanggan) diterima (oleh Pembekal) menurut klausua 2.3.
- 2.2 Terma-terma ini terpakai kepada Kontrak dengan mengecualikan mana-mana terma lain yang Pembekal cuba untuk dikenakan atau digabungkan, atau yang tersirat oleh perdagangan, adat, amalan atau cara berurus, melainkan Pihak-pihak menandatangani perjanjian bertulis yang berasingan.
- 2.3 Pesanan tersebut merupakan tawaran oleh Pelanggan untuk membeli Barang dan/atau Perkhidmatan daripada Pembekal menurut Terma ini dan sebarang Spesifikasi atau Representasi yang dirujuk dalam Pesanan. Pesanan tersebut hendaklah dianggap diterima apabila:

- (a) Pembekal mengeluarkan penerimaan bertulis bagi Pesanan; atau
- (b) sebarang tindakan atau perkataan oleh Pembekal yang konsisten dengan memenuhi atau membayangkan dengan jelas janji untuk memenuhi Pesanan.

- 2.4 Dokumen dan mesej yang bertukar secara elektronik (selain daripada Spesifikasi atau Representasi) hendaklah mempunyai nilai pembuktian antara Pihak-pihak untuk membantu menjelaskan niat sebenar Pihak-pihak sekiranya berlaku sebarang kesamaran tetapi sebaliknya tidak akan menjadi sebahagian daripada Kontrak.
- 2.5 Pelanggan tidak memberikan Pembekal sebarang keeksklusifan berkaitan Kontrak.
- 2.6 Sekiranya berlaku percanggahan antara Terma ini dan apa-apa yang terkandung dalam Pesanan, Spesifikasi dan/atau Representasi, Terma ini akan diguna pakai, melainkan sebarang pelencongan yang dipersetujui daripadanya adalah jelas dan dalam bentuk bertulis yang ditandatangani oleh penandatangan yang diberi kuasa oleh pihak-pihak.

3. Kewajipan Am Pembekal

- 3.1 Sepanjang Tempoh ini Pembekal hendaklah:

- (a) memenuhi sebarang prestasi yang dipersetujui atau tarikh/jadual penghantaran atau pencapaian lain yang dinyatakan dalam Kontrak;
- (b) bekerjasama dengan Pelanggan dalam semua perkara yang berkaitan dengan Kontrak, dan mematuhi semua arahan Pelanggan yang munasabah;
- (c) menggunakan hanya kakitangan yang layak di sisi undang-undang, berkemahiran dan berpengalaman dengan sesuai untuk melaksanakan tugas yang diberikan kepada mereka, dan dengan jumlah yang mencukupi untuk memastikan bahawa kewajipan Pembekal dipenuhi mengikut Kontrak;
- (d) mendapatkan semua peralatan, alatan dan kenderaan (termasuk peralatan pelindung diri atau keselamatan) dan apa-apa item lain yang diperlukan untuk memenuhi kewajipannya di bawah Kontrak;
- (e) menggunakan barang berkualiti, bahan, piawaian dan teknik terbaik yang ada untuk memenuhi kewajipannya di bawah Kontrak;
- (f) mendapatkan dan, pada setiap masa, mengekalkan semua lesen, kebenaran, pengesahan, persetujuan dan permit yang diperlukan dan menyediakan dokumentasi yang relevan kepada Pelanggan atas permintaan, dan mematuhi semua Undang-undang yang Terpakai tentang keselamatan produk;
- (g) mematuhi semua undang-undang dan peraturan kesihatan dan keselamatan dan sebarang keperluan keselamatan lain yang terpakai di mana-mana premis Pelanggan;
- (h) Menjaga semua Bahan Pelanggan dalam jagaan selamat atas risikonya sendiri, dalam keadaan baik sehingga dikembalikan kepada Pelanggan, dan tidak melupuskan atau menggunakan Bahan Pelanggan selain mengikut arahan atau kebenaran bertulis Pelanggan;
- (i) tidak melakukan atau meninggalkan untuk melakukan apa-apa yang diketahui oleh Pembekal yang boleh menyebabkan Pelanggan kehilangan sebarang lesen, kuasa, persetujuan atau kebenaran yang mana ia bergantung untuk tujuan menjalankan perniagaannya,

dan Pembekal mengakui bahawa Pelanggan mungkin bergantung kepada Pembekal;

- (j) memastikan bahawa para pekerja Pembekal, apabila melawat premis Pelanggan untuk tujuan menyediakan Perkhidmatan, membawa gelas atau cawan minuman boleh guna semula mereka sendiri, kerana Pelanggan selaras dengan dasar kemampumannya, tidak menyediakan bekas plastik sekali guna kepada pelawat;
- (k) menyediakan Pelanggan dengan maklumat yang benar dan tepat; dan
- (l) segera memaklumkan Pelanggan secara bertulis jika Pembekal menyedari sebarang bahaya keselamatan produk atau pelanggaran sebarang keperluan undang-undang.

4. Bekalan Barang

4.1 Pembekal menjamin bahawa Barang:

- (a) adalah mengikut Spesifikasi, Representasi dan Kontrak;
- (b) adalah berkualiti yang memuaskan dan sesuai untuk sebarang tujuan yang ditawarkan oleh Pembekal atau dimaklumkan kepada Pembekal oleh Pelanggan, secara nyata atau tersirat oleh undang-undang dan dalam hal ini, Pelanggan bergantung pada kemahiran dan pertimbangan Pembekal;
- (c) bebas daripada kecacatan reka bentuk, bahan dan mutu kerja dan kekal sedemikian selama sekurang-kurangnya 12 bulan selepas penghantaran, atau untuk tempoh yang lebih lama seperti yang ditetapkan dalam Undang-undang yang Terpakai atau dalam waranti pengilang atau Pembekal; dan
- (d) mematuhi semua keperluan Undang-undang Terpakai yang berkaitan dengan pembuatan, pelabelan, pembungkusan, penyimpanan, pengendalian dan penghantaran barang tersebut.
- (e) tidak akan melanggar Hak IP mana-mana pihak ketiga.

4.2 Pembekal seterusnya menjamin bahawa pada masa pemindahan Barang kepada Pelanggan, Pembekal hendaklah mempunyai hakmilik yang sewajarnya dan memindahkan hakmilik Barang kepada Pelanggan dengan bebas daripada semua lien, tuntutan, bebanan, hutang dan hak pihak ketiga dalam apa jua bentuk.

4.3 Pembekal akan memaklumkan, pada masa audit (bawah klausu 22.1) atau apabila diminta oleh Pelanggan, kebolehkesanannya semua Barang yang dibekalkan, serta laporan audit pembekal masing-masing.

4.4 Pembekal tidak akan bertanggungjawab atas pelanggaran waranti di bawah klausu 4.1(c) (setakat kecacatan dalam reka bentuk) dan 4.1(e) (setakat Hak IP yang dijana oleh Pelanggan), di mana Barang telah direka bentuk atau dibangunkan oleh Pelanggan, dan Pembekal melaksanakan pembuatan kontrak sahaja dan apabila Pembekal mengikuti arahan bertulis Pelanggan tentang penggunaan bahan tertentu, dengan syarat Pembekal akan memaklumkan Pelanggan dengan segera tentang sebarang isu atau kebimbangan yang Pembekal sedari berkaitan Spesifikasi, arahan Pelanggan atau Hak IP yang dijana oleh Pelanggan.

5. Penghantaran Barang

5.1 Apabila Pembekal membekalkan apa-apa Barang, Pembekal juga hendaklah memastikan bahawa:

(a) Barang dihantar tepat pada masanya (semasa waktu perniagaan biasa Pelanggan) sepenuhnya, selaras dengan mana-mana ketetapan terperinci dalam Kontrak dan, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Kontrak, masa penghantaran hendaklah menjadi inti pati;

(b) Barang dibungkus dengan betul dan kemas dengan cara yang membolehkan barang sampai ke destinasi dalam keadaan baik;

(c) setiap penghantaran Barang disertakan dengan nota penghantaran yang menunjukkan tarikh Pesanan, nombor Pesanan (jika ada), jenis dan kuantiti Barang (termasuk nombor kod Barang (jika berkenaan)), arahan penyimpanan khas (jika ada) dan, jika Barang dihantar secara ansuran, baki tertunggak Barang yang tinggal untuk dihantar;

(d) jika Pembekal memerlukan Pelanggan untuk memulangkan sebarang bahan pembungkusan untuk Barang kepada Pembekal, perkara itu dinyatakan dengan jelas dalam nota penghantaran. Sebarang bahan pembungkusan sedemikian hanya akan dikembalikan kepada Pembekal dengan kos ditanggung oleh Pembekal; dan

(e) sekiranya Pelanggan memutuskan untuk memulangkan Barang disebabkan ketidakpatuhan Kontrak, kos logistik untuk pemulangan hendaklah ditanggung oleh Pembekal, dengan bayaran balik penuh diberikan kepada Pelanggan bagi Harga serta sebarang kos penghantaran bagi penghantaran permulaan (melainkan penghantaran gantian dipersetujui).

5.2 Penghantaran Barang hendaklah diselesaikan setelah selesai memungangkan Barang di Lokasi Penghantaran.

5.3 Jika Pembekal:

- (a) menghantar kurang 85% daripada kuantiti Barang yang dipesan, Pelanggan boleh menolak Barang; atau
- (b) menghantar melebihi kuantiti Barang yang dipesan, Pelanggan boleh mengikut budi bicara mutlaknya, menolak lebihan Barang, dan mana-mana Barang yang ditolak hendaklah dipulangkan atas risiko dan perbelanjaan Pembekal. Jika Pembekal menghantar lebih atau kurang daripada kuantiti Barang yang dipesan, dan Pelanggan menerima penghantaran, pelarasan pro rata hendaklah dibuat pada invoice untuk Barang; atau
- (c) menghantar Barang yang tidak mematuhi Spesifikasi, dan/atau Kontrak, Pelanggan boleh, mengikut budi bicara mutlaknya, menolak Barang tersebut, yang mana Pembekal akan tetap bertanggungjawab untuk menggantikan Barang yang ditolak, tanpa berlengah-lengah dengan kos ditanggung oleh Pembekal.

5.4 Jika Pesanan adalah untuk penghantaran Barang secara ansuran, dan masa penghantaran sedemikian adalah penting, maka, jika Pembekal gagal menghantar satu atau lebih ansuran, Pelanggan boleh menamatkan atau menggantung Pesanan dan mana-mana Kontrak yang berkaitan.

5.5 Sekiranya berlaku apa-apa yang boleh menimbulkan kewajipan untuk memanggil semula Barang di bawah Undang-undang Terpakai, Pembekal akan: (i) memaklumkan Pelanggan dengan segera tentang maklumat yang berkaitan; (ii) bekerjasama sepenuhnya dengan Pelanggan; (iii) tidak membuat kenyataan awam tanpa kebenaran Pelanggan melainkan wajib di sisi undang-undang, dan kemudian setelah memaklumkan Pelanggan, jika dibenarkan; dan (iv)

mengambil semua tindakan pembetulan atau prosedur yang perlu seperti yang dimandatkan pada Pembekal mengikut Undang-undang yang Terpakai.

6. Membekalkan Perkhidmatan

- 6.1 Apabila Pembekal membekalkan sebarang Perkhidmatan, Pembekal akan memastikan bahawa:
- (a) ia akan melaksanakan Perkhidmatan dengan perhatian dan kemahiran yang munasabah dan mengikut amalan dan piawaian komersial terbaik dalam industri untuk perkhidmatan yang serupa;
 - (b) Perkhidmatan adalah mengikut Kontrak;
 - (c) Perkhidmatan tidak akan melanggar Hak IP mana-mana pihak ketiga;
 - (d) akan menghantar, apabila diminta oleh Pelanggan, laporan susulan Perkhidmatan yang memperincikan aktiviti yang dijalankan dan keputusan yang dicapai;
 - (e) segera maklumkan Pelanggan secara bertulis tentang sebarang ketaksekataan dalam penyediaan Perkhidmatan atau halangan yang ditemui semasa melaksanakan aktiviti yang menjelaskan prestasi Perkhidmatan; dan
 - (f) akan membetulkan, dengan perbelanjaan Pembekal, dalam tempoh yang dinyatakan oleh Pelanggan, Perkhidmatan atau prosedur yang menunjukkan kecacatan atau ketidaktepatan atau aktiviti yang dilakukan tidak sama dengan peruntukan Spesifikasi dan/atau Kontrak. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan ini akan membolehkan Pelanggan menerima pakai langkah-langkah yang perlu, antaranya mengatur penyelesaian secara langsung oleh pihak ketiga, dengan memindahkan kos kepada Pembekal.

7. Pemeriksaan

- 7.1 Pelanggan berhak untuk memeriksa dan menguji Barang dan/atau Perkhidmatan pada bila-bila masa sebelum penghantaran/penyelesaian:
- (a) Jika selepas pemeriksaan atau ujian sedemikian, Pelanggan mendapati bahawa Barang atau Perkhidmatan tidak mematuhi keperluan Kontrak, Pelanggan hendaklah maklumkan Pembekal tentang keperluan untuk segera mengambil tindakan pembetulan yang perlu bagi memastikan pematuhan, selaras dengan kewajipan Pembekal menurut dokumen ini.
 - (b) walau apa pun juga sebarang pemeriksaan atau ujian sedemikian, Pembekal akan tetap bertanggungjawab sepenuhnya untuk Barang dan/atau Perkhidmatan, dan sebarang pemeriksaan atau ujian sedemikian tidak akan mengurangkan atau sebaliknya menjelaskan kewajipan Pembekal di bawah Kontrak, dan Pelanggan berhak untuk menjalankan pemeriksaan dan ujian lanjut selepas Pembekal menjalankan tindakan pemulihannya.

8. Hakmilik dan Risiko

- 8.1 Hakmilik dan risiko bagi Barang hendaklah berpindah daripada Pembekal kepada Pelanggan apabila Barang dihantar.
- 8.2 Sampingan hendaklah atau kekal menjadi hak milik eksklusif Pelanggan dan hanya akan digunakan oleh Pembekal untuk penyempurnaan Kontrak. Penjagaan dan penyelenggaraan

Sampingan tersebut hendaklah disediakan oleh Pembekal atas perbelanjaan dan risikonya sendiri. Pembekal akan mengambil sebarang insurans yang perlu dan akan menyediakan bukti mengenainya. Pembekal akan memulangkan sebarang Sampingan sedemikian dalam keadaan baik atas permintaan pertama Pelanggan dan tidak akan menyimpan sebarang salinannya tanpa kebenaran Pelanggan.

- 8.3 Pembekal akan bertanggungjawab secara peribadi untuk pemerolehan mana-mana hak harta yang dimiliki oleh pihak ketiga, termasuk Hak IP, dan akan menanggung liabiliti bagi sebarang tuntutan yang berkaitan dengannya sekiranya pemerolehan sedemikian mungkin diperlukan untuk Kontrak.

9. Pematuhan

- 9.1 Pembekal akan mematuhi (i) semua Undang-undang yang Terpakai, khususnya undang-undang antirasuah, anti-pengubahan wang haram, antitrust, bidaan, hak asasi manusia, hak buruh, perhambaan moden, perlindungan hak kanak-kanak dan belia; dan (ii) CoC.
- 9.2 Pembekal juga mengaku janji untuk: (i) menyertai mana-mana bengkel dan latihan yang mungkin dianjurkan oleh Pelanggan berkenaan CoC; dan (ii) untuk menyampaikan CoC kepada (dan mendapatkan pematuhan CoC oleh) wakilnya, pekerja, pembekal, subkontraktor dan lain-lain yang bertindak bagi pihaknya yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam mencapai objektif Kontrak; (iii) dalam apa jua keadaan tidak menggunakan hamba dan/atau buruh paksa; (iv) mematuhi konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa berkaitan penghapusan buruh kanak-kanak, kesaksamaan, anti-diskriminasi, kebebasan berpersatuan.
- 9.3 Pembekal menjamin bahawa (i) ia bukan sasaran sebarang sekatan ekonomi (oleh Majlis Keselamatan PBB, Kesatuan Europah EU, Amerika Syarikat, Brazil, atau mana-mana kerajaan berdaulat lain), dan (ii) sepanjang pengetahuannya, Pembekal tidak dikawal atau dimiliki secara bermanfaat oleh mana-mana orang yang tertakluk kepada sekatan ekonomi sedemikian dan (iii) Pembekal tidak terlibat dalam mana-mana prosiding atau tertakluk kepada apa-apa penyiasatan daripada pihak berkuasa atas dakwaan pelanggaran mana-mana undang-undang sekatan ekonomi sedemikian; dan (iv) Pembekal akan mematuhi undang-undang sekatan ekonomi yang terpakai.
- 9.4 Pembekal menjamin bahawa tiada Barang (produk siap), atau ramuan sama ada dikilangkan dan/atau dibangunkan oleh Pembekal atau mana-mana pembekal atau subkontraktornya, telah diuji ke atas haiwan selaras dan tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Cruelty Free International. Sekiranya berlaku pelanggaran klausa ini oleh Pembekal, Pelanggan boleh memulangkan Barang dan/atau menggantung urusan perdagangan dan/atau menamatkan Kontrak berkuat kuasa serta-merta.
- 9.5 Pihak-pihak akan mematuhi Undang-undang yang Terpakai tentang biodiversiti (akses dan perkongsian manfaat), dasar alam sekitar negara dan peraturan alam sekitar, dan akan memikul semua tanggungjawab untuk sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan kerosakan kepada alam sekitar atau merupakan akses haram kepada biodiversiti.
- 9.6 Pelanggan dan Pembekal masing-masing hendaklah mematuhi Kawalan Eksport. Sebelum Pembekal mengeksport (atau meminta Pelanggan mengeksport) sebarang teknologi

- atau bahan (termasuk data) Pelanggan dari mana-mana negara) untuk melaksanakan kewajipannya di bawah ini, Pembekal hendaklah dengan segera (dengan kerjasama dan bantuan daripada Pelanggan): (1) mengenal pasti Kawalan Eksport yang digunakan untuk teknologi dan bahan tersebut, termasuk sebarang lesen, persetujuan, kebenaran atau kelulusan yang diperlukan; (2) memberitahu Pelanggan tentang Kawalan Eksport tersebut; (3) mendapatkan apa-apa lesen, persetujuan, kebenaran dan kelulusan yang diperlukan atau, jika dan seperti yang diminta oleh Pelanggan, bekerjasama dan membantu Pelanggan dalam mendapatkan lesen, persetujuan, kebenaran atau kelulusan tersebut; dan (4) menyediakan sebarang dokumen yang diminta oleh Pelanggan untuk menunjukkan pematuhan Pembekal terhadap Kawalan Eksport.
- 9.7 Pembekal akan mengekalkan Buku dan Rekod yang penuh dan tepat sepanjang Tempoh dan untuk tempoh minimum enam (6) tahun selepas itu (atau tempoh yang lebih lama yang ditetapkan oleh Undang-undang yang Terpakai) untuk menggambarkan dengan jelas sebarang transaksi atau perniagaan yang dilaksanakan berkaitan dengan Kontrak dan akan menyediakan Buku dan Rekod ini kepada wakil Pelanggan yang diberi kuasa sewajarnya.
- 9.8 Pembekal menjamin bahawa ia akan segera memberitahu Pelanggan jika ia menyedari atau mengesyaki sebarang pelanggaran kewajipan yang ditetapkan di sini (terutamanya di bawah klaus ini 9) dan akan bekerjasama sepenuhnya dalam sebarang penyiasatan dan akan mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk membetulkan pelanggaran tersebut.

10. Remedi oleh Pelanggan

- 10.1 Jika Pembekal gagal mematuhi kewajipannya di bawah Kontrak, Pelanggan hendaklah, tanpa mengehadkan hak atau remedinya yang lain, mempunyai satu atau lebih hak berikut:
- (a) untuk enggan menerima sebarang pelaksanaan Perkhidmatan dan/atau penghantaran Barang seterusnya yang cuba dibuat oleh Pembekal;
 - (b) untuk mendapatkan semula daripada Pembekal sebarang kos yang ditanggung oleh Pelanggan dalam mendapatkan barang dan/atau perkhidmatan pengganti daripada pihak ketiga;
 - (c) untuk menahan pembayaran sehingga pelanggaran itu dipulihkan;
 - (d) untuk menuntut dan menerima (atas dasar indemniti) daripada Pembekal ganti rugi untuk sebarang kos tambahan, kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang dalam apa-apa cara juga boleh dikaitkan dengan kegagalan Pembekal untuk memenuhi tarikh tersebut (termasuk kos undang-undang, denda atau penalti); dan
 - (e) untuk menghendaki Pembekal membaiki atau menggantikan atau melaksanakan semula Barang dan/atau Perkhidmatan yang ditolak, atau memberikan bayaran balik penuh bagi harga Barang dan/atau Perkhidmatan yang ditolak (jika dibayar) serta semua caj tambahan Pelanggan.
- 10.2 Terma ini akan dilanjutkan kepada mana-mana Perkhidmatan yang diganti atau diperbaiki dan/atau Barang yang dibaiki atau diganti yang dibekalkan oleh Pembekal.

- 10.3 Hak pelanggan di bawah mana-mana terma Kontrak adalah tambahan kepada hak dan remedii di bawah mana-mana terma lain atau di bawah Undang-undang Terpakai.

11. Kewajipan Pelanggan

- 11.1 Sebagai balasan terhadap pembekalan Barang dan/atau Perkhidmatan oleh Pembekal, Pelanggan hendaklah:
- (a) membayar sebarang amaun Harga yang dipersetujui yang tidak dipertikaikan ke akaun bank yang dinamakan secara bertulis oleh Pembekal menurut klaus 12;
 - (b) memberikan Pembekal akses yang munasabah pada masa yang munasabah ke premis Pelanggan untuk tujuan menyediakan Perkhidmatan; dan
 - (c) memberikan maklumat sedemikian sebagaimana yang mungkin diminta oleh Pembekal secara munasabah untuk memenuhi kewajipannya di bawah Kontrak dan Pelanggan menganggap semunasabahnya perlu untuk tujuan tersebut.

12. Caj dan Bayaran

- 12.1 Harga yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Pembekal hendaklah:
- (a) tetap sepanjang Tempoh;
 - (b) termasuk kos untuk bahan mentah, komponen, buruh, keuntungan Pembekal, cukai, pembungkusan, insurans dan pengangkutan, atau sebarang kos lain yang berkaitan dengan aktiviti Pembekal yang berkaitan dengan Kontrak. Tiada caj tambahan akan berkuat kuasa melainkan dipersetujui secara bertulis; dan
 - (c) perlu dibayar dalam tempoh 90 hari (atau tempoh lain yang dipersetujui secara berasingan atau dimandatkan oleh undang-undang) selepas (i) penerimaan Barang atau Perkhidmatan yang memuaskan atau (ii) akhir bulan di mana Invois yang Disediakan dengan Betul diterima, dengan menyatakan bahawa Pelanggan akan sebaliknya berhak untuk menahan pembayaran.
- 12.2 Pembekal hendaklah menginvois Pelanggan pada atau pada bila-bila masa selepas penghantaran Barang atau penyelesaian Perkhidmatan.
- 12.3 Jika mana-mana bahagian daripada jumlah yang diinvois dipertikaikan dengan betul dan dengan niat yang baik, Pelanggan akan membayar jumlah yang tidak dipertikaikan, menggantung tempoh matang jumlah yang dipertikaikan sehingga pertikaian itu diselesaikan, di luar mahkamah dalam tempoh yang munasabah, tidak melebihi tiga puluh (30) hari, atau sehingga pertikaian itu diselesaikan di mahkamah.
- 12.4 Semua amaun yang perlu dibayar oleh Pelanggan di bawah Kontrak adalah disebut harga dan dipersetujui termasuk cukai nilai tambah, atau cukai jualan yang setara, seperti GST atau mana-mana cukai terpakai lain yang di bawah Undang-undang Terpakai untuk akaun Pelanggan dan harga yang disebut dan dipersetujui ialah jumlah amaun akhir yang perlu dibayar oleh Pelanggan, melainkan dipersetujui secara khusus dalam Kontrak.
- 12.5 Setiap Pihak hendaklah bertanggungjawab secara berasingan untuk kewajipan cukai yang mereka bertanggungjawab yang timbul daripada Kontrak dan/atau Terma ini, tanpa mengira sifat dan bidang kuasa mereka. Sekiranya Pelanggan bertanggungjawab, menurut undang-undang atau perintah pihak berkuasa pentadbiran, untuk menahan atau membayar cukai, termasuk melalui notis kekurangan cukai dalam

- sebarang bentuk atau bidang kuasa, yang terhutang oleh Pembekal, maka Terma ini menjadikan kewajipan tersebut untuk Pembekal dalam jumlah yang bersamaan dengan cukai yang diminta.
- 12.6 Pembekal tidak akan mengenakan faedah pembayaran lewat ke atas mana-mana amaun tertunggak yang tidak dipertikaikan melebihi (i) mana-mana minimum atau (ii) separuh daripada mana-mana amaun atau kadar maksimum yang dinyatakan atau ditetapkan oleh Undang-undang Terpakai tempatan.
- 12.7 Faedah ke atas pembayaran lewat tidak akan terkumpul dengan sebarang penalti lain di bawah Kontrak atau Undang-undang Terpakai.
- 12.8 Pembayaran oleh Pelanggan kepada Pembekal untuk Harga tidak dengan sendirinya ditafsirkan sebagai penerimaan dan tidak akan melepaskan Pembekal daripada mana-mana kewajipannya.
- 13. Hak Harta Intelek**
- 13.1 Hak IP dalam semua Bahan Pelanggan dan sebarang Spesifikasi adalah hak milik eksklusif Pelanggan. Melainkan dipersetujui sebaliknya, Pembekal akan menyerahkan kepada Pelanggan pemilikan penuh dan tanpa halangan, dengan jaminan hak milik penuh semua Hak IP bagi Barang atau dalam mana-mana kerja yang dibuat oleh Pembekal khusus untuk Pelanggan atau oleh mana-mana pihak ketiga menurut Kontrak bagi pihak Pembekal, juga khusus untuk Pelanggan, bagi digunakan tanpa apa-apa jenis had seperti tempoh masa, wilayah atau media, yang sedia ada sekarang atau yang mungkin wujud pada masa hadapan. Pembekal hendaklah (dan juga memastikan bahawa mana-mana pekerja atau pihak ketiga yang terlibat dalam membekalkan Barang dan Perkhidmatan) melakukan semua tindakan dan perkara dan melaksanakan dengan segera semua dokumen seperti yang dikehendaki oleh Pelanggan bagi tujuan melaksanakan atau menyelesaikan tugasannya tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, klausa ini 13.1 tidak terpakai kepada Barang yang dijual "secara lambak" oleh Pembekal (iaitu Barang yang dibangunkan oleh Pembekal bukan khusus untuk Pelanggan dan dijual oleh Pembekal dalam pasaran terbuka).
- 13.2 Melainkan secara khusus dipersetujui sebaliknya, tiada apa-apa dalam Terma ini boleh ditafsirkan sebagai memberikan kepada Pihak hak untuk menggunakan Hak IP Pihak yang satu lagi, seperti nama korporat, nama domain, hak cipta, hak milik penubuhan, paten, reka bentuk, rahsia perdagangan, apa-apa tanda khusus atau tanda dagangan lain yang difaiklan atau didaftarkan oleh Pihak yang satu lagi.
- 14. Kerahsiaan**
- 14.1 Suatu Pihak (**Pihak Penerima**) hendaklah merahsiakan dengan ketat semua pengetahuan teknikal atau komersial, spesifikasi, ciptaan, proses atau inisiatif yang bersifat rahsia (**Maklumat Rahsia**) dan telah didedahkan kepada Pihak Penerima oleh pihak yang satu lagi (**Pihak yang Mendedahkan**), pekerjanya, ejen atau subkontraktornya, dan sebarang maklumat rahsia lain berkenaan perniagaan atau produk atau perkhidmatan Pihak yang Mendedahkan yang mungkin diperolehi Pihak Penerima. Pihak Penerima hendaklah mengehadkan pendedahan Maklumat Rahsia tersebut kepada pekerja, ejen atau subkontraktornya yang hanya perlu mengetahuinya bagi tujuan menuaikan kewajipan Pihak Penerima di bawah Kontrak, dan hendaklah memastikan bahawa pekerja, ejen atau subkontraktor tersebut tertakluk kepada kewajipan kerahsiaan yang sepadan dengan yang mengikat Pihak Penerima.
- 14.2 Maklumat Rahsia tidak termasuk maklumat yang: (a) diketahui oleh orang awam atau tersedia secara umum, tanpa sebarang pelanggaran oleh Pihak Penerima untuk maksud itu; (b) diketahui oleh Pihak Penerima atas dasar tidak rahsia pada masa pendedahan; (c) dibangunkan secara sah dan bebas dan atas dasar bukan rahsia oleh Pihak Penerima atau diperoleh daripada pihak ketiga yang mempunyai hak untuk membuat pendedahan sedemikian; (d) didedahkan secara bertulis oleh Pihak yang Mendedahkan bagi tujuan penerbitan; (e) berkaitan dengan sebarang aktiviti yang menunjukkan perbuatan menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh mana-mana Pihak dan yang diketahui oleh Pihak yang satu lagi.
- 14.3 Jika perjanjian kerahsiaan berasingan ditandatangani antara pihak-pihak, perjanjian tersebut akan mengatasi klausa ini.
- 15. Perlindungan Data Peribadi**
- 15.1 Jika pemprosesan Data Peribadi dijalankan oleh mana-mana Pihak di bawah Kontrak, Pihak-pihak akan mematuhi semua Undang-undang Perlindungan Data yang terpakai dan dengan DPA.
- 16. Tanggung Rugi**
- 16.1 Walau apa pun perkara lain dalam Terma ini, Pembekal hendaklah memastikan Pelanggan menanggung rugi sepenuhnya terhadap semua kos, perbelanjaan, kerosakan dan kerugian (sama ada secara langsung atau tidak langsung), akibat atau berkaitan dengan:
- (a) sebarang tuntutan yang dibuat terhadap Pelanggan untuk pelanggaran Hak IP, imej atau personaliti pihak ketiga yang sebenar atau yang didakwa, yang timbul daripada, atau berkaitan dengan, pembuatan, pembekalan atau penggunaan Barang, atau penerimaan, penggunaan atau pembekalan Perkhidmatan;
- (b) Pembekal melanggar klausa 3 hingga 9, 12.5, 13 hingga 15 dan/atau 22.8; dan
- (c) sebarang tuntutan pengguna atau tuntutan oleh persatuan pengguna atau tuntutan atau tindakan kawal selia oleh pihak berkuasa yang berwibawa, yang dibawa berhubung dengan kemudaratannya kepada kesihatan yang disebabkan oleh Barang atau Perkhidmatan.
- 17. Liabiliti**
- 17.1 Tiada apa-apa yang akan mengehadkan atau mengecualikan liabiliti mana-mana Pihak (sama ada secara langsung atau tidak langsung) untuk (i) kematian, kecederaan peribadi, kerosakan harta benda, yang timbul daripada kecuaian; (ii) salah nyata tipuan; (iii) salah laku yang disengajakan; (iv) kecuaian yang teruk; atau (v) sebarang kerugian yang dilarang oleh Undang-undang Terpakai untuk mengecualikan, menyekat atau mengubah suai liabiliti.
- 17.2 Tiada apa-apa yang akan mengehadkan atau mengecualikan liabiliti Pembekal di bawah kemungkinan penarikan balik produk yang diterangkan dalam klausa 5.5, atau liabiliti Pembekal di bawah klausa 16.

18. Insurans

- 18.1 Sepanjang Tempoh dan untuk tempoh yang munasabah selepas itu, Pembekal hendaklah berkuat kuasa mengekalkan insurans yang bersesuaian daripada syarikat insurans yang bereputasi, sebagaimana berkenaan, seperti insurans indemniti profesional, insurans liabiliti produk dan insurans liabiliti awam untuk melindungi liabiliti yang mungkin timbul di bawah atau berkaitan dengan Kontrak dan hendaklah, atas permintaan Pelanggan, mengemukakan sijil insurans yang memberikan butiran perlindungan dan juga resit untuk premium tahun semasa berkenaan dengan setiap insurans.

19. Tempoh

- 19.1 Kontrak akan kekal sah sehingga ia ditamatkan menurut klausula 20, atau sehingga Pesanan dipenuhi menurut syaratnya, sama ada pengisian berlaku dalam tempoh yang mungkin:
- (a) dalam tempoh yang sangat terhad (cth. pembelian "melalui kaunter"); atau
 - (b) dengan tempoh yang lebih lama (cth. pengisian secara beransur-ansur dalam tempoh masa yang ditentukan atau tidak ditentukan).

20. Penamatan

- 20.1 Dengan Sebab: Tanpa mengehadkan hak atau remedinya yang lain, salah satu Pihak boleh menamatkan Kontrak dengan Sebab dengan memberikan notis bertulis kepada pihak yang lain berkuat kuasa serta-merta.
- 20.2 Tanpa Sebab: Tanpa mengehadkan hak atau remedii mereka yang lain, sekiranya berlaku klausula 19.1(b), di mana tempoh Kontrak adalah lebih panjang daripada tempoh notis yang dinyatakan di bawah ini:
- (a) Pelanggan boleh menamatkan Kontrak (atau sebahagian daripadanya) tanpa Sebab dan tanpa kewajipan lanjut kepada Pembekal, tertakluk kepada klausula 21.2, selepas tiga puluh (30) hari notis bertulis pada bila-bila masa.
 - (b) Pembekal boleh menamatkan Kontrak tanpa Sebab dengan memberi Pelanggan notis bertulis tiga (3) bulan dan Pembekal hendaklah memulangkan Pelanggan dalam tempoh lima (5) hari kalender, semua bayaran pendahuluan, yang meliputi tempoh selepas penamatan.

21. Akibat Penamatan

- 21.1 Apabila Kontrak atau mana-mana bahagian Kontrak ditamatkan atas sebarang sebab:
- (a) Pembekal hendaklah segera memulangkan semua Bahan Pelanggan. Jika Pembekal gagal berbuat demikian, maka Pelanggan boleh, tanpa mengehadkan hak atau remedinya yang lain dan tertakluk kepada Undang-undang Terpakai, memasuki premis Pembekal dan mengambil miliknya. Sehingga bahan dipulangkan atau dihantar, Pembekal hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk penyimpanan bahan secara selamat dan tidak akan menggunakan untuk sebarang tujuan yang tidak berkaitan dengan Kontrak;
 - (b) Pembekal tidak boleh menjual atau sebaliknya melupuskan, atau membenarkan penjualan atau pelupusan, mana-mana Barang yang mengandungi mana-mana Hak IP Pelanggan (termasuk mana-mana Barang yang ditolak) kepada sesiapa selain daripada

Pelanggan tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis yang jelas daripada Pelanggan;

- (c) Pembekal hendaklah mematuhi semua arahan munasabah yang diberikan oleh Pelanggan tentang kaedah pelupusan Barang;
- (d) hak dan remedii terakru bagi Pihak-pihak semasa penamatan tidak akan terjejas, termasuk hak untuk menuntut ganti rugi berkenaan dengan sebarang pelanggaran Kontrak yang wujud pada atau sebelum tarikh penamatan; dan
- (e) klausula yang secara jelas atau secara tersirat mempunyai kesan selepas penamatan, hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, termasuk klausula 14, 16, 17 dan 18.

- 21.2 Sekiranya berlaku penamatan mengikut klausula 20.2(a), Pelanggan hendaklah membayar Pembekal untuk kos perbelanjaan yang berkaitan dengan mana-mana Barang atau Perkhidmatan yang belum siap (kerja dalam proses) semasa penghantarananya kepada Pelanggan.

22. Am

- 22.1 *Audit:* Apabila diminta Pembekal hendaklah menghantar Buku dan Rekod kepada Pelanggan sebagaimana yang diperlukan secara munasabah untuk menunjukkan kesihatan kewangan Pembekal (atau subkontraktornya, jika ada), serta pematuhan Pembekal (atau subkontraktornya, jika ada) dengan kewajipannya di bawah Kontrak, termasuk CoC. Pembekal akan memudahkan, pada bila-bila masa, akses kepada pakar profesional yang ditentukan atau diambil oleh Pelanggan supaya audit dilakukan di kemudahan Pembekal dan di tempat di mana aktiviti yang dikontrakkan akan dijalankan. Pengauditan akan dijalankan secara berkala, mengikut kekerapan dan kelayakan seperti yang dimaklumkan oleh Pelanggan, selepas notis lima (5) hari terlebih dahulu, atau tanpa notis (pemeriksaan mengejut) berkaitan pematuhan khusus dengan CoC. Kos pengauditan sosial/etika tahunan akan ditanggung oleh Pembekal dan kos audit lain (termasuk untuk pemeriksaan mengejut) akan ditanggung oleh Pelanggan melainkan sekiranya terdapat penemuan ketidakpatuhan, dalam hal ini Pembekal akan menanggung kos tersebut.

- 22.2 *Force majeure:* Mana-mana Pihak tidak akan bertanggungjawab kepada yang lain akibat Force Majeure.

22.3 *Serah hak dan subkontrak:*

- (a) Pembekal tidak boleh menyerahkan, memindahkan, mengenakan caj, mensubkontrakkkan atau beruruskan dalam apa-apa cara lain dengan semua atau mana-mana haknya (termasuk hak kredit) atau kewajipan di bawah Kontrak tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pelanggan. Pembekal dalam apa jua keadaan akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas prestasi mana-mana subkontraktor.
- (b) Pelanggan boleh, pada bila-bila masa, secara bebas dan tanpa kelulusan Pembekal terlebih dahulu, menyerahkan, memindahkan, mengenakan caj, subkontrak, atau beruruskan dalam apa-apa cara lain dengan semua atau mana-mana haknya di bawah Kontrak dan boleh membuat subkontrak atau mewakilkan dalam apa-apa cara mana-mana atau kesemua kewajipan di bawah Kontrak kepada mana-mana Ahli Gabungannya atau kepada mana-mana pihak ketiga atau ejen.

22.4 Notis:

- (a) Sebarang notis atau komunikasi lain yang perlu diberikan kepada Pihak di bawah atau berkaitan dengan Kontrak hendaklah secara bertulis dan hendaklah dihantar kepada Pihak yang satu lagi secara peribadi atau dihantar melalui pos kelas pertama prabayar, penghantaran yang direkodkan atau melalui kurier komersial, di pejabat berdaftar (jika syarikat) atau (dalam mana-mana kes lain) tempat perniagaan utamanya.
- (b) Klausus ini tidak akan terpakai kepada penyampaian mana-mana prosiding atau dokumen lain dalam sebarang tindakan undang-undang. Untuk tujuan klausus ini, "penulisan" tidak akan termasuk e-mel dan untuk mengelakkan keraguan, notis yang diberikan di bawah Kontrak tidak akan disampaikan secara sah jika dihantar melalui e-mel.

22.5 Penepian dan remedi terkumpul:

- (a) Penepian mana-mana hak di bawah Kontrak hanya berkuat kuasa jika ia secara bertulis dan tidak boleh dianggap sebagai penepian bagi sebarang pelanggaran atau keingkaran yang berikutnya. Tiada kegagalan atau kelewatan oleh suatu Pihak dalam melaksanakan apa-apa hak atau remedi di bawah Kontrak atau oleh Undang-undang Terpakai boleh menjadi penepian ke atas hak atau remedi atau mana-mana hak atau remedi lain, mahupun menghalang atau menyekat pelaksanaan yang selanjutnya.
- (b) Melainkan jika diperuntukkan sebaliknya secara khusus, hak yang timbul di bawah Kontrak adalah terkumpul dan tidak mengecualikan hak yang disediakan oleh Undang-undang Terpakai.

22.6 Pemberhentian:

- (a) Jika mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa lain yang berwibawa mendapati bahawa mana-mana peruntukan (atau sebahagian daripada mana-mana peruntukan) Kontrak adalah tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan atau sebahagian peruntukan itu hendaklah, setakat yang diperlukan, dianggap telah dipadam, dan kesahihan dan penguatkuasaan peruntukan lain dalam Kontrak tidak akan terjejas.
- (b) Jika mana-mana peruntukan Kontrak yang tidak sah, tidak boleh dikuatkuasakan atau menyalahi undang-undang adalah sah, boleh dikuatkuasakan dan mematuhi undang-undang jika sebahagian daripadanya dipadamkan, peruntukan itu hendaklah terpakai dengan pengubahsuaian minimum yang diperlukan untuk menjadikannya mematuhi undang-undang, sah dan boleh dikuatkuasakan.

22.7 Tiada perkongsian:

Tiada apa-apa dalam Kontrak atau Termasuk ini bertujuan untuk, atau akan dianggap sebagai, membentuk perkongsian atau usaha sama dalam apa jua bentuk antara mana-mana Pihak, atau menjadikan mana-mana Pihak sebagai ejen Pihak lain untuk sebarang tujuan. Tiada Pihak boleh mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai ejen untuk, atau untuk mengikat, Pihak yang satu lagi dalam apa cara sekalipun.

22.8 Tiada pekerjaan:

Pembekal ialah majikan tunggal bagi Pekerja yang digunakan untuk melaksanakan Perkhidmatan dan membekalkan Barang dan, oleh itu, bertanggungjawab ke atas semua caj buruh, awam, cukai dan keselamatan sosial

yang berkaitan dengan para pekerja, subkontraktor, ejen atau rakan kongsi yang dilantik untuk melaksanakan Kontrak tanpa sebarang tuntutan pekerja terhadap Pelanggan ("Tuntutan Pekerja"). Pembekal akan menanggung rugi sepenuhnya Pelanggan terhadap sebarang tuntutan Pekerja (mengikut klausus 16) walaupun jika mana-mana Tuntutan Pekerja tersebut berjaya diberikan terhadap Pelanggan, di mana Pembekal juga akan menanggung rugi Pelanggan terhadap sebarang denda, kos, yuran guaman dan perbelanjaan pentadbiran/prosedur yang timbul daripada prosiding pentadbiran dan tuntutan undang-undang buruh yang berkaitan dengan Tuntutan Pekerja tersebut terhadap Pelanggan.

22.9 Tiada kebergantungan ekonomi:

Pembekal dengan ini mengisyiharkan bahawa ia menjalankan aktiviti komersialnya untuk syarikat-syarikat lain, yang memiliki kapasiti perniagaan sepenuhnya. Tiada hubungan kebergantungan ekonomi antara Pembekal dan Pelanggan diwujudkan.

22.10 Pihak ketiga:

Seseorang yang bukan merupakan pihak kepada Kontrak tidak mempunyai sebarang hak di bawah atau berkaitan dengan Kontrak.

22.11 Variasi:

Sebarang variasi, termasuk sebarang terma dan syarat tambahan, kepada Kontrak hanya akan mengikat apabila dipersetujui secara bertulis dan ditandatangani oleh Pihak-pihak.

22.12 Undang-undang dan bidang kuasa yang mengawal:

Kontrak, dan apa-apa pertikaian atau tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengannya atau hal perkara atau pembentukannya (termasuk pertikaian atau tuntutan bukan kontrak), hendaklah ditadbir mengikut undang-undang Negara, dan Pihak-pihak tanpa boleh ditarik balik terikat dengan bidang kuasa eksklusif mahkamah Negara.

22.13 Kuasa:

Individu yang masuk dalam Kontrak untuk dan bagi suatu Pihak, menjamin dan menyatakan bahawa mereka mempunyai kuasa untuk mengikat Pihak tersebut menurut terma Kontrak.